# MPU 23052

# SAINS TEKNOLOGI & KEJURUTERAAN DALAM ISLAM

## Bab 1

## KONSEP ASAS ISLAM

# MPU 23052

# SAINS TEKNOLOGI & KEJURUTERAAN DALAM ISLAM

## Bab 1

## KONSEP ASAS ISLAM

*Published by :*
*Politeknik Sultan Azlan Shah*
*Behrang Stesen, Behrang*
*35950 Perak.*
*Tel :05-4544431*
*Faks:05-4544993*
*Email : http://www.psas.edu.my*

*First published 2020.*

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced stored in a retrievel system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise without premission of Sultan Azlan Shah Polytechnics.*

**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**
Quick Note & Tutorials-Strength of Materials
eISBN 978-967-2409-15-1

eISBN 978-967-2409-15-1

9 789672 409151

**Pengerusi**

Siti Fazlina Binti Isnin

**Ketua Pengarang**

Aishah Binti Mohamad Said

**Panel Pengarang**

Rahimah Binti Ibrahim

Mohd Syahnan Bin Md Zain

Mior Iskandar Bin Mior Azizan

Anisah Binti Nasib

Siti Nadiah Binti Sadali@Salim

Nurul Ain Binti Othman

**PRAKATA**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya *e-book* ini berjaya siap dan diterbitkan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah yang terlibat atas usaha mereka merealisasikan penerbitan *e-book* ini.

*E-book* yang lengkap dan komprehensif dalam menerangkan berkenaan Konsep Asas Islam dapat digunakan dan dijadikan panduan dalam lapangan dan kehidupan seharian, secara tidak langsung dapat membantu sesiapa sahaja yang membaca buku ini. *E-book* ini menyentuh tentang Islam sebagai cara hidup, ciri-ciri kesempurnaan Islam, konsep akidah, konsep dua kalimah syahadah, konsep syariah, konsep akhlak, ibadah solat, implikasi cara hidup Islam serta salah faham terhadap Islam.

*Ebook* ini merupakan e-book yang menarik dan interaktif kerana penggunaan grafik yang lebih banyak berbanding teks akan mempengaruhi pelajar untuk memahami maksud yang hendak disampaikan dengan lebih pantas. Ia juga mempunyai banyak kelebihan yang memberikan kemudahan kepada pelajar untuk membawanya ke merata tempat tanpa beban yang berat.

Harapan saya semoga maklumat di dalam -*ebook* ini dapat memberi manfaat kepada pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah khususnya yang mengambil kursus MPU23052 Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam serta semua pembaca daripada pelbagai lapisan.

SITI FAZLINA BINTI ISNIN
Ketua Jabatan Pengajian Am,
Politeknik Sultan Azlan Shah

Isi Kandungan


Pengenalan........................................................................................ 2

1.1 Islam sebagai cara hidup ........................................................................ 11

1.1.1 Konsep akidah...................................................................................... 11

1.1.2 Konsep syariah...................................................................................... 14

1.1.3 Konsep akhlak...................................................................................... 27

1.2 Solat dan Kepentingannya......................................................................... 38

1.2.1 Rukun solat........................................................................................... 43

1.2.2 Syarat-syarat Sah Solat ......................................................................... 47

1.2.3 Sunat-sunat dalam Solat......................................................................... 50

1.2.4 Perkara-perkara yang Membatalkan Solat .............................................. 55

1.2.5 Surah-surah Pilihan ............................................................................... 57

1.3 Implikasi cara hidup islam ........................................................................ 60

1.3.1 Implikasi terhadap individu ................................................................... 60

1.3.2 Implikasi kepada masyarakat.................................................................. 61

1.3.3 Implikasi kepada negara.......................................................................... 65

1.4 Membincangkan salah faham terhadap islam ............................................. 66

1.4.1 Pluralisme............................................................................................. 66

1.4.2 Fahaman ajaran sesat............................................................................. 69

# Pengenalan

| SESI AKADEMIK | | SEMESTER | DUA |
|---|---|---|---|
| **JABATAN** | JABATAN PENGAJIAN AM | JAM KREDIT | 2 |
| **PROGRAM** | | JAM PERTEMUAN | 3 |
| **KOD KURSUS** | MPU 23052 | JUM JAM MENGAJAR | 42 |
| **NAMA KURSUS** | SAINS,TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN DALAM ISLAM | PRASYARAT | NIL |
| **PENYELARAS KURSUS** | AISHAH BINTI MOHAMADD SAID | | |
| **PENSYARAH KURSUS** | MOHD SYAHNAN BIN MD ZAIN | | |
| **NO TELEFON** | 019-9524829 E-mail | syahnan@psas.edu.my | |

**SINOPSIS KURSUS**

**SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN DALAM ISLAM memberi pengetahuan tentang konsep Islam sebagai al-Din dan seterusnya membincangkan konsep sains, teknologi dan kejuruteraan dalam Islam serta impaknya, pencapaiannya dalam tamadun Islam, prinsip serta peranan syariah dan etika Islam, peranan kaedah fiqh serta aplikasinya.**

**Hasil Pembelajaran (CLO)**

**Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat :**
**CLO 1 : Melaksanakan dengan yakin ajaran Islam dalam kehidupan seharian. ( A2 , CLS 4 )**
**CLO 2 : Menerangkan etika dan profesionalisme berkaitan sains, teknologi dan kejuruteraan dalam Islam. ( A3 , CLS 5 )**
**CLO 3 : Menghubungkait minda ingin tahu dengan prinsip syariah, etika dan kaedah fiqh, dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan menurut perspektif Islam. ( A4 , CLS 4 )**

| HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (CLO) | TOPIK | | | | | KAEDAH PENTAKSIRAN UNTUK KERJA KURSUS (KK) | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | Tunjuk Cara | Pembentangan | E-Folio | Tugasan Berdasarkan Masalah |
| | | | | | | *(1)20% | *(1)20% | *(1)30% | *(1)30% |
| **1. Menghuraikan konsep Islam sebagai cara hidup. (C2, P2 : LD1, LD2)** | ● | | | | | √ | √ | | |
| **1. Menjelaskan konsep sains, teknologi dan kejuruteraan dalam Islam. (C2 : LD1)** | | ● | | | | | √ | | |
| | | | ● | | | | | √ | |
| **1. Membincangkan prinsip syariah dan kaedah fiqh dalam sains, teknologi dan kejuruteraan. (C3, A3 : LD1, LD6)** | | | | ● | | | | | **√ |

| Minggu | TOPIK/TUGASAN | CATATAN/PENTAKSIRAN |
| --- | --- | --- |
| | Minggu Suaikenal dan Pendaftaran Pelajar | |
| **MINGGU 1** | 1. KONSEP ASAS ISLAM<br><br>1.1 Memahami Islam sebagai cara hidup (al-Din)<br>1.1.1 Menjelaskan konsepakidah.<br>1.1.2 Menjelaskan konsep syariah.<br>1.1.3 Menjelaskan konsep akhlak. | Pengenalan kepada kursus dan pengagihan kumpulan Projek dan E-folio<br><br>Tunjuk Cara |
| **MINGGU 2** | 1.1 Memahami Islam sebagai cara hidup (al-Din)<br>1.1.1 Menjelaskan konsepakidah.<br>1.1.2 Menjelaskan konsep syariah.<br>1.1.3 Menjelaskan konsepakhlak. | Tunjuk Cara |
| **MINGGU 3** | 1.2 Menunjuk cara ibadah solat dan bacaannya<br>1.2.1 Melaksanakan rukun-rukun solat<br>1.2.2 Membaca surah-surah pilihan dalam solat. | Tunjuk Cara |
| **MINGGU 4** | 1.2 Menunjuk cara ibadah solat dan bacaannya<br>1.2.1 Melaksanakan rukun-rukun solat<br>1.2.2 Membaca surah-surah pilihan dalam solat. | Tunjuk Cara |
| **MINGGU 5** | CUTI SEMESTER | |

| | | |
|---|---|---|
| **MINGGU 6** | **1.3 Membincangkan implikasi cara hidup Islam.**<br>**1.3.1 Menjelaskan implikasi kepada individu.**<br>**1.3.2 Menjelaskan implikasi kepada keluarga.**<br>**1.3.3 Menjelaskan implikasi kepada masyarakat.**<br>**1.3.4 Menjelaskan implikasi kepada negara.** | **Tunjuk Cara** |
| **MINGGU 7** | 1.4 Menjelaskan salah faham terhadap Islam<br>1.4.1 Menerangkan fahaman Sekularisme<br>1.4.2 Menerangkan fahaman Pluralisme.<br>1.4.3 Menerangkan fahaman Liberalisme.<br>1.4.4 Menerangkan fahaman ajaran sesat. | Tunjuk Cara |
| **MINGGU 8** | 1. KONSEP SAINS,TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN DALAM ISLAM<br><br>2.1 Memahami sains teknologi dan kejuruteraan menurut Islam.<br>2.1.1 Menyatakan pengertian sains teknologi dan kejuruteraan.<br>2.1.2 Menyatakan peranan sains teknologi dan kejuruteraan..<br>2.1.3 Menyatakan impak sains teknologi dan kejuruteraan.<br>2.4.4 Membincangkan pencapaian tamadun Islam dalam sains teknologi dan kejuruteraan. | Tugasan Berdasarkan Masalah |
| **MINGGU 9** | 2.1 Memahami sains teknologi dan kejuruteraan menurut Islam.<br>2.1.1 Menyatakan pengertian sains teknologi dan kejuruteraan.<br>2.1.2 Menyatakan peranan sains teknologi dan kejuruteraan..<br>2.1.3 Menyatakan impak sains teknologi dan kejuruteraan.<br>2.4.4 Membincangkan pencapaian tamadun Islam dalam sains teknologi dan kejuruteraan | Tugasan Berdasarkan Masalah |

| | | |
|---|---|---|
| **MINGGU 10** | **1. WAHYU SEBAGAI SUMBER SAINS,TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN**<br><br>**3.1 Memahami wahyu sebagai sumber sains, teknologi dan kejuruteraan.**<br>**3.1.1 Menjelaskan pengertianwahyu.**<br>**3.1.2 Menerangkan perananwahyu**<br><br>**3.2 Menjelaskan fakta-fakta saintifik bersumberkan wahyu.**<br>**3.2.1 Menjelaskan fakta-faktasaintifik dalam al-Qur'an..**<br>**3.2.2 Menjelaskan fakta-fakta saintifik dalamal-Hadis.** | **Tugasan Berdasarkan Masalah** |
| **MINGGU 11** | 3.1 Memahami wahyu sebagai sumber sains, teknologi dan kejuruteraan.<br>3.1.1 Menjelaskan pengertian wahyu.<br>3.1.2 Menerangkan perananwahyu | Pembentangan |
| **MINGGU 12** | 3.1 Memahami wahyu sebagai sumber sains, teknologi dan kejuruteraan.<br>3.1.1 Menjelaskan pengertian wahyu.<br>3.1.2 Menerangkan perananwahyu<br><br>3.2 Menjelaskan fakta-fakta saintifik bersumberkanwahyu.<br>3.2.1 Menjelaskan fakta-fakta saintifik dalamal-Qur'an..<br>3.2.2 Menjelaskan fakta-fakta saintifik dalamal-Hadis. | Pembentangan |

| | | |
|---|---|---|
| **MINGGU 13** | **4 PRINSIP SYARIAH DAN ETIKA ISLAM DALAM SAINS TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN**<br><br>**4.1 Memahami prinsip syariah dalam sains teknologi dan kejuruteraan.**<br>**4.1.1 Menerangkan prinsipsyariah**<br>**4.1.2 Menerangkan peranansyariah**<br><br>**4.2 Menjelaskan fakta-fakta saintifik bersumberkan wahyu.**<br>**4.2.1 Menjelaskan fakta-fakta saintifik dalamal-Qur’an..**<br>**4.2.2 Menjelaskan fakta-fakta saintifik dalamal-Hadis.** | **E-folio** |
| **MINGGU 14** | 4.1 Memahami prinsip syariah dalam sains teknologi dan kejuruteraan.<br>4.1.1 Menerangkan prinsipsyariah<br>4.1.2 Menerangkan peranansyariah<br><br>4.2 Menjelaskan fakta-fakta saintifik bersumberkanwahyu.<br>4.2.1 Menjelaskan fakta-fakta saintifik dalamal-Qur’an..<br>4.2.2 Menjelaskan fakta-fakta saintifik dalamal-Hadis. | E-folio |

| | | |
|---|---|---|
| **MINGGU 15** | . **KAEDAH FIQH DALAM SAINS TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN**<br><br>**1. Memahami kaedah fiqh dalam sains teknologi dan kejuruteraan**<br>**1. Menerangkan pengertian kaedah fiqh.**<br>**2. Membincangkan peranan kaedahfiqh**<br>**3. Membincangkan konsep asas kaedah fiqh dan aplikasinya.** | **E-folio** |
| **MINGGU 16** | 5.1 Memahami kaedah fiqh dalam sains teknologidan kejuruteraan<br>5.1.1 Menerangkan pengertian kaedah fiqh.<br>5.1.2 Membincangkan peranan kaedah fiqh<br>5.1.3 Membincangkan konsep asas kaedahfiqh dan aplikasinya. | E-folio |
| **MINGGU 17** | MINGGU ULANGKAJI | |
| **MINGGU 18** | PEPERIKSAAN AKHIR | |

**AGIHAN JAM PEMBELAJARAN PELAJAR**
**BERDASARKAN KEPADA AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS**

| BIL. | AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN | | JPP |
|---|---|---|---|
| ***PEMBELAJAAN TERARAH*** | | | |
| 1.0 | <u>Kaedah Penyampaian</u> | | |
| 1.1 | *Syarahan* | | 15 |
| 1.2 | *Praktikal* | | 0 |
| 1.3 | *Tutorial* | | 30 |
| 2.0 | <u>Pentaksiran Kerja Kursus (PKK)</u> | | |
| 2.1 | Pentaksiran Jam Syarahan | | |
| | - *Kuiz* | [ 2 ] | |
| 2.2 | Pentaksiran Jam Praktikal | | |
| | - *Tiada* | [ 0 ] | 2 |
| 2.3 | Pentaksiran Jam Tutorial | | |
| | - *Projek* | [ 1 ] | |
| | - *Ujian Amali* | [ 1 ] | |
| ***PEMBELAJARAN KENDIRI*** | | | |
| 3.0 | <u>Pentaksiran Kerja Kursus (PKK)</u> | | |
| | - *e-Folio* | [ 1 ] | 4 |

| | | |
|---|---|---|
| **4.0** | **Persediaan dan Kaji Semula** | |
| 4.1 | *Syarahan*<br>- *Persediaan sebelum kelas teori spt: muat turun nota pembelajaran.*<br>- *Pemumian selepas kelas teori spt: rujukan tambahan, perbincangan kumpulan, perbincangan.* | 15 |
| 4.2 | *Praktikal*<br>- *Persediaan sebelum kelas praktikal/kerja lapangan/survey spt: kaji semula nota, senarai semak, kertas kerja makmal dan/atau peralatan.*<br>- *Aktiviti selepas praktikal spt: laporan makmal, rujukan tambahan dan sesi perbincangan.*<br>- *Persediaan sebelum kerja studio persembahan/kritik.* | 0 |
| 4.3 | *Tutorial*<br>- *Persediaan untuk latihan tutorial* | 12 |
| 4.4 | *Tugasan*<br>- *Persediaan untuk Ujian Amali* [ 1 ]<br>- *Persediaan untuk projek* [ 1 ] | 2 |
| | | |
| | **Jumlah** | **80** |
| | **Kredit = JPP/40** | **2** |

**Petunjuk:**

*1. Cadangan peruntukan waktu :*

*Kuiz : 10 - 15 minit*

*Ujian (Teori) : 20 - 30 minit*

*2. 40 jam bersamaan 1 kredit.*

# GRED

| MARKAH | GRED |
|---|---|
| 90–100 | A+ |
| 80–89 | A |
| 75–79 | A– |
| 70–74 | B+ |
| 65–69 | B |
| 60–64 | B– |
| 59–55 | C+ |
| 50–54 | C |
| 45–49 | C– |
| 40–44 | D |

# KONSEP AKIDAH

# AKIDAH

BAHASA

Simpulan atau pegangan yang kuat atau satu ikat janji.

ISTILAH

Kepercayaan dan keyakinan yang bersungguh-sungguh kepada kewujudan dan keesaan Allah, dan percaya akan rukun Iman.

# Pembahagian Tauhid

## Rububiyyah

- Pengakuan bahawa allah ialah tuhan bagi sekalian Alam. Dialah Tuhan yang mencipta dan mentadbir alam ini.

## Uluhiyyah

- Pengakuan dan kepatuhan bahawa Allah sahaja yang layak disembah dengan sebenar-benarnya dan diserahkan pengabdian diri kepada-Nya semata.

## Asma' wa al-sifat

- Mengakui dan beriman kepada nama dan sifat Allah yang Maha Agung serta mensucikan-Nya daripada segala sifat kekurangan.

# KONSEP SYARIAH

# SYARIAH

**Definisi**

Syariah adalah peraturan hidup yang digariskan oleh Islam bersumberkan wahyu dan Sunnah untuk diamalkan oleh setiap manusia.

Dari sudut Bahasa syariah berasal dari perkataan syarak yang bermaksud menerangkan / menjelaskan sesuatu.

Manakala dari sudut istilah, syariah ialah hukum-hukum Allah yang disyariatkan kepada hamba-hamba-Nya, baik hukum-hukum dalam Al-Qur'an dan sunnah nabi Saw dari perkataan, perbuatan dan penetapan.

# UNSUR UTAMA SYARIAH

**IBADAH**
- Aspek yang mengatur hubungan manusia dengan Allah swt.

**MUNAKAT**
- Aspek yang mengatur urusan kekeluargaan.

**JINAYAT**
- Aspek yang mengatur tentang kesalahan jenayah, hukuman dan kaedah perbicaraan.

**MUAMALAT**
- Aspek yang mengatur aktiviti kehidupan manusia serta hubungan sesama manusia dan alam sekitar.

# KEISTIMEWAAN SYARIAH

- Syariah Islamiah adalah syariah Rabbani iaitu ciptaan Allah s.w.t.; Tuhan semesta alam.
- Syariah Islam menekankan bukan sahaja kebahagiaan dan keselamatan di dunia tetapi yang lebih penting lagi ialah kehidupan di akhirat.
- Undang-undang syariah juga bersepadu kerana ia mempunyai prinsip-prinsip perundangan yang mengatur urusan keduniaan dan keagamaan, tanpa batasan perkauman, warna kulit, bahasa, tempat, pangkat kedudukan dan sebagainya.

# KEISTIMEWAAN SYARIAH

Syariah Islam berpendirian teguh dan tetap dalam soal prinsip dan dasar agama tetapi dalam persoalan furu’ (cabang agama) sangat fleksibel (boleh bertolak ansur).
Contoh furu’ ialah bacaan dan qurut.

Syariah Islam juga sangat sesuai dan selaras dengan fitrah dan naluri manusia yang suci dan bersih.

Syariah juga telah mendapat pengiktirafan pemikir dan pakar barat seperti dari Dr. Shifferer (Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Wina), Dr. Hocking Ilmu Falsafah Universiti Harvard, Amerika Syarikat) dan lain-lain.

# MAQASID SYARIAH

**MAQASID**

- Perkataan *maqasid* dari sudut bahasa merupakan jamak kepada perkataan *maqsad* yang membawa maksud; pegangan, punca, sasaran, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan.
- Ia merujuk merujuk kepada maksud 'objektif' yang membawa erti berasaskan kenyataan atau fakta sebenar.

**SYARIAH**

- Syariah berasal daripada perkataan syara'a yang bermaksud sumber air yang tidak pernah putus dan terus mengalir.
- Dari segi istilah, ia merangkumi keseluruhan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui Rasul-Nya nabi Muhammad SAW.

**MAQASID SYARIAH**

Maqasid Syariah merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia.

- Ia mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam mengukur dan mempertimbangkan sesuatu perkara demi menjamin

# PEMBAHAGIAN MAQASID SYARIAH

## Al-Daruriyat

- *Al-daruriyat* adalah objektif kehidupan agama dan keduniaan bagi manusia. Jika sekiranya ia tidak ada nescaya hidup manusia di dunia ini akan menjadi sukar sama ada di dunia mahupun akhirat.
- Al-daruriyat yang asasi ini ada lima iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda.

## Al-Hajiyat

- *Al-hajiyat* ialah kepentingan yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan menghilangkan kesempitan yang membawa kepada kesulitan dan kesukaran dengan ketiadaannya.
- Manakala ketiadaannya pula tidaklah sehingga membawa kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana ketiadaan al-daruriyat, tetapi ia akan membawa kepada kesukaran dalam kehidupan mereka seperti rukhsan solat jamak qasar ketika musafir.

## Al-Tahsiniyat

- *Al-tahsiniyat* merupakan kepentingan yang menghendaki seseorang berpegang dengan akhlak-akhlak yang baik dan budi pekerti yang mulia.
- Ketiadaan *al-Tahsiniyat* tidaklah membawa kepada kesukaran hidup manusia sebagaimana ketiadaan *al-daruriyat* dan *al-hajiyat*, tetapi ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal seperti

# AL-DARURIYAT ASASI



# 1. Memelihara Agama

- Agama menjadi pemisah kualiti sebenar seorang Muslim dan amat berkait rapat dengan aspek akidah.

- Kegiatan yang dilaksanakan dalam kehidupan perlulah dijaga agar tidak bercanggah dengan ajaran yang berteraskan fahaman tauhid serta tidak menggugat akidah yang dianutiseseorang.

- Islam datang untuk membebaskan minda dan kepercayaan manusia daripada belenggu khurafat, tahyul, kemunafikan dan kesyirikan.

- Islam mengajak manusia beriman kepada Tuhan yang Satu dan Esa iaitu Allah s.w.t dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya (rukun iman) serta menjauhi anasir-anasir syirik dengan menjelaskan pelbagai panduan unluk melaksanakan ketaatan kepada Allah s.w.t.

# 2. Memelihara Nyawa

- Maqasid syariah kedua ialah menjaga dan memelihara jiwa (nyawa) serta tubuh badan manusia.
- Justeru itu, Islam telah mewajibkan setiap individu untuk menjaga keselamatan diri masing- masing dan pada masa yang sama melarang keras perbuatan yang boleh mengancam keselamatan nyawa diri sendiri atau orang lain.

# 3. Memelihara Akal

- Menjaga akal dan pemikiran merupakan salah satu daripada matlamat syariah Islam. Melalui keistimewaan akal inilah manusia diberikan status sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi bersesuaian dengan ketentuan dan perintah Allah s.w.t.

- Melaluinya manusia dapat mengeksploitasi segala anugerah alam untuk kesejahteraan manusia. Bersesuaian dengan tujuan ini dan agar akal dapat berfungsi dengan sewajamya, syariah Islam telah menegaskan mengenai kepentingan untuk menuntut dan menguasai ilmu pengetahuan.

- Oleh itu, akal dan pemikiran perlu dijaga kerana merupakan anugerah Allah yang paling berharga kepada manusia. Akal bukan sahaja perlu dijaga, tetapi perlu disuburkan fungsinya pembacaan demi kebaikan umat sejagat.

# 4. Memelihara Maruah/Keturunan

- Memelihara maruah dan keturunan manusia merupakan salah satu matlamat syariah Malah Islam sendiri, dibina atas akhlak yang mulia. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bemaksud: "*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempumakan akhlak yang mulia*".

- Kewajipan solat, puasa, zakat, menunaikan ibadat haji dan lain-lain lagi, jika ditunaikan dengan penuh ketertiban akan dapat membentuk ketinggian dan kemuliaan akhlak.

- Oleh itu segala bentuk yang boleh membawa kepada pencabulan maruah dan keturunan manusia adalah dilarang sama sekali.

- Jika diperhatikan tegahan dan larangan Allah s.w.t., ianya mempunyai tujuan yang satu iaitu untuk menghindarkan manusia daripada terjatuh ke lembah kehinaan kerana kesannya amat dasyat.

# 5. Memelihara Harta

- Tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan yang sempuma bagi sesorang manusia juga amat berkait rapat dengan pemilikan dan penguasaan terhadap harta.

- Menyedari hakikat inilah, syariah Islam telah menggariskan peraturan, hukum dan undang-undangnya yang tersendiri dalam soal kehartaan.

- Bidang Fiqh Muamalat telah menggariskan prosedur-prosedur tertentu bermula sejak dari usaha untuk memiliki, menguasai dan membelanjakan sesuatu harta.

- Syariah Islam juga telah menetapkan cara dan kaedah yang tertentu bagi membelanjakan harta seperti mewajibkan zakat kepada harta- harta yang tertentu dan amat menggalakkan sedekah dan pemberian hadiah dalam keadaan-keadaan tertentu.

# KONSEP AKHLAK

# KONSEP AKHLAK

## Definisi Akhlak

Akh lak dari segi bahasa : tabiat, watak atau budi pekerti.

Imam al- Ghazali :

akhlak sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan membentuk perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimb angan fikiran terlebih dahulu

# KATEGORI AKHLAK

Akhlak terbahagi :

1. Akhlak yang baik (Mahmudah )
2. Akhlak yang buruk ( Mazmumah )

Contoh Akhlak Mahmudah :

syukur,berkata benar,tidak melakukan maksiat dan lain-lain

Contoh akhlak Mazmumah:

dengki,ujub,riak ,pemarah,tamak dan lain-lain

## CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

1. Hawa Nafsu
2. Iblis dan Syaitan
3. Persekitaran
4. Manusia

Nafsu Ammarahialahnafsuyang sentias dituruti dan tidak dikawal dari melakukan dosa dan maksiat kepada Allah dan Rasul

Nafsu Lawwamah ialah nafsu yang yang menyebabkan pelaku mencela dirinya apabila melakukan doasa tetapi masih dosa tetapi masihmaksiatkepadaAllahdan Rasul berulangkali

## a. Hawa Nafsu

Nafsu mutmainnah nafsu yang patuh mengikut segala ajaran Islam dan patuhsegalaperintah Allah dan RasulNya

## B. IBLIS DAN SYAITAN

Iblis dan syaitan ialah musuh kepada manusia .Nafsu dan jiwa yang lemah akan mudah dipengaruhi syaitan.Syaitan dan iblis hanya menunggu peluang dan ruang untuk menggoda manusia.Hanya keimanan yang tinggi dan pertolongan dari Allah akan menjadi benteng untuk menghalang godaan syaitan dan iblis

## C. PERSEKITARAN

PERSEKITARAN ADALAH ELEMEN PENTING DALAM MEMBENTUK AKHLAK SESEORANG.

PERSEKITARAN YANG BAIK AKAN MEMPENGARUHI MANUSIA,BEGITULAH SEBALIKNYA,

PERSEKITARAN YANG BURUK AKAN MEMBERI KESAN KEPADA AKHLAK SESEORANG.

# D. MANUSIA

Manusia mempunyai pelbagai jenis,sifat dan perangai.Terdapat manusia yang soleh,fasiq,munafiq,kafir dan sebagainya.Mereka inilah yang akan menjadi dan cabaran kepada manusia lain.

## ISU-ISU BERKAITAN AKHLAK

1 - PERGAULAN BEBAS

2 -HEDONISME

3 -BERSEKEDUDUKAN

4 -SAMSENG JALANAN
( MAT REMPIT)

# Isu-isu berkaitan akhlak

## 1. Hedonisme

Merujuk Kamus Dewan (2005),hedonisme adalah pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup semata

Sebab-sebab Hedonisme kemunculan banyak pusat hiburan dan sikap tidak mengamalkan Islam. Hedonisme banyak membawa keburukan kepada umat Islam dan masalah sosial akan meningkat .

Cara untuk mengatasi hedonisme adalah kembali kembali kepada ajaran Islam dan pihak berwajib membuat program yang menekankan keseimbangan rohani,jasmani,emosi,fizikal ,intelektual dansebagainya.

## 2. Pergaulan Bebas

Pergaulan bebas merujuk gaya pergaulan tanpa batasan dan peraturan antara lelaki dan perempuan yang boleh membawakepada keruntuhan akhlak.

Cara untuk mengatasi masalah ini umat Islam kembali menghayati cara hidup Islam di samping kuatkuasa undang-undang yang setimpal kepada pesalah laku berpunca dari pergaulan bebas.

## 3.Bersekedudukan

Istilah bersekedudukan boleh di takrifkan sebagai seorang lelaki dan perempuan yang tinggal bersama atau sebumbung tanpa ikatan pernikahan yang sah atau tanpa sebarang hubungan mahram. menurut pandangan Islam ,bersekedudukan merupakan suatu perbuatan keji dan tidak berakhlak serta satu perbuatan zina.

Gejala ini memberi kesan buruk kepada masyarakat dan negara seperti kes pembuangan bayi,anak tidak sah taraf atau tidak mempunyai bapa yang sah,kesukaran peninggalan harta pusaka dan sebagainya.

## 4. Samseng Jalanan (Mat Rempit )

Samseng Jalanan ialah satu istilah yang menggantikan Mat Rempit.Ia merupakan istilah kepada penunggang motosikal yang terlibat dengan perlumbaan haram,biasanya menggunakan motosikal pelbagai kuasa enjin.

Gejala ini biasanya melibatkan remaja dan belia yang ingin mencuba,tiada kawalan ,kurang perhatian ibu bapa,terpengaruh dengan kawan-kawan,inginkan habuan atau ganjaran dan sebagainya.

Peranan ibu bapa sangat penting di samping tindakan tegas ke atas samseng jalanan bagi membantu mengurangkan kes yang membahayakan diri ini.



# SOLAT DAN KEPENTINGANNYA

Rujukan:
al-Fiqh al-Manhaji Mazhab Syafie, JAKIM

https://bit.ly/fiqhmanhaji-1

# KANDUNGAN

Pengenalan

Rukun Solat

Syarat-syarat Wajib Solat

Syarat-syarat Sah Solat

Sunat-sunat dalam Solat

Perkara-perkara yang Membatalkan Solat

Surah-surah Pilihan

# Pengenalan

## Bahasa Arab

Bererti doa iaitu memohon kebaikan.

"Dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka" (Surah al-Taubah: 103)

## Istilah Fuqaha'

Bermaksud beberapa perkataan dan perbuatan yang tertentu, dan ia bermula dengan takbir dan disudahi dengan salam.

## Sejarah Pensyariatan

Semua solat telah disyariatkan pada malam Rasulullah SAW Isra' ke Baitu al-Maqdis dan Mikraj ke langit.

**TRIVIA**:
Allah SWT telah memfardhukan 50 solat sehari semalam ke atas Nabi Muhammad SAW dan seluruh umat Islam. Kemudian telah dikurangkan kepada lima waktu dan mendapat pahala 50 solat.

Solat mempunyai
beberapa hikmah dah rahsia
yang dapat dirumuskan seperti berikut:

## HIKMAH SOLAT

Menyedarkan manusia akan hakikat dirinya yang sebenar sebagai hamba Allah

Memantapkan keyakinan manusia bahawa tiada pembantu dan pengurnia sebenar selain Allah

Merupakan santapan bagi aqidah keimanan kepada Allah yang berterusan dalam hati manusia

Manusia dapat mengambil kesempatan menjadikannya sebagai waktu untuk bertaubat

Solat yang dilakukan dengan tekun
oleh seseorang muslim akan menjadi
santapan iman dan tidak mampu dilemahkan
atau dimusnahkan oleh segala pancaroba dunia.

# Rukun Solat

1. Niat
2. Berdiri
3. *Takbiratul Ihram*
4. Membaca *Fatihah*
5. Ruku’
6. *I’tidal* selepas ruku’
7. Sujud dua kali setiap rakaat
8. Duduk di antara dua sujud
9. Duduk yang akhir
10. Membaca *Tasyahhud* Awal
11. Berselawat ke atas Nabi SAW
12. Salam yang pertama
13. Tertib

Pengertian Rukun:
Rukun adalah bahagian yang asas bagi sesuatu perkara. Contohnya dinding bagi sesebuah bilik. Oleh itu bahagian-bahagian solat adalah rukun-rukunnya seperti ruku’, sujud dan seumpamanya.

# Syarat-syarat Wajib Solat

# Orang yang Wajib Bersolat: Solat diwajibkan atas setiap muslim lelaki dan perempuan yang waras, cukup umur dan suci.



## ISLAM

Tidak wajib kepada orang kafir



## BALIGH

Tidak wajib atas kanak-kanak kerana tidak *mukallaf*



## BERAKAL

Tidak wajib atas orang gila kerana tidak siuman



## SUCI DARIPADA HAID DAN NIFAS

Tidak wajib atas perempuan yang kedatangan haid atau nifas

# Syarat-syarat Sah Solat

Pengertian Syarat:
Syarat bererti perkara yang wujud sesuatu itu bergantung kepadanya sedangkan perkara itu bukanlah sebahagian daripadanya.



**Suci daripada hadas:**

- Solat orang yang berhadas tidak sah sama ada berhadas kecil seperti tiada wudhu' atau berhadas besar seperti janabah.

**Suci daripada najis:**

- Suci anggota
- Suci pakaian
- Suci tempat solat

**Mengetahui masuk waktu:**

- Setiap solat waktu mempunyai waktu-waktu-nya yang ditetapkan

**Menutup aurat:**

- Aurat lelaki – bahagian badan pusat hingga lutut
- Aurat perempuan – seluruh badan selain muka dan dua tapak tangan

**Menghadap kiblat:**

- *Kiblat* = Kaabah
- Menghadap kiblat bermaksud Kaabah berhadapan dengannya.

**Mengetahui cara solat:**

- Jibril AS menemui Nabi SAW untuk menjelaskan waktu permulaan setiap solat, waktu berakhirnya dan bilangan rakaatnya.

# Sunat-sunat dalam Solat

**Sunat Sebelum Bersolat**

- Azan
- Iqamah
- Menjadikan sesuatu sebagai sekatan (*sutrah*) di hadapan

**Sunat Semasa Bersolat**

- *Ab'adh*
- *Hai'ah*


Tasyahhud Awal
Membaca Qunut
Berselawat ke atas Nabi selepas Tasyahhud Awal
Sunat *Ab'adh*
Berselawat ke atas Keluarga Nabi SAW selepas Tasyahhud Akhir
Duduk bagi Tasyahhud Awal

# Sunat Hai'ah

- Mengangkat kedua-dua belah tangan ketika takbiratu al-ihram, ruku' dan bangun daripada ruku'
- Meletakkan tapak tangan kanan di atas belakang tangan kiri ketika berdiri
- Memandang ke tempat sujud
- Memulakan solat selepas takbir dengan bacaan doa *Iftitah*
- Membaca Isti'azah selepas doa *Iftitah*
- Menyaringkan bacaan dan memperlahankannya pada tempat-tempatnya
- Mengucapkan Amin ketika selesai bacaan al-Fatihah
- Membaca ayat al_quran setelah bacaan al-Fatihah
- Bertakbir ketika perpindahan rukun
- Bertasbih ketika ruku' dan sujud
- Meletakkan kedua-dua belah tangan di atas dua peha pada kedua-dua *tasyahhud*
- Duduk *tawarruk* ketika duduk yang akhir dan duduk *iftirasy* pada duduk yang lainnya
- Membaca selawat Ibrahimiyyah dan berdoa selepas *tasyahhud* akhir
- Mengucap salam yang kedua
- Sentiasa khusyu' sepanjang solat

# Sunat Selepas Solat

Memohon keampunan, berzikir dan berdoa

Beralih tempat solat fardhu untuk melakukan solat sunat

Mendahulukan jemaah perempuan bersurai selepas solat

# Perkara-perkara yang Membatalkan Solat

Solat seseorang akan batal apabila melakukan satu daripada perkara berikut:

- Berkata-kata dengan sengaja
- Melakukan perbuatan yang banyak
- Terkena najis pada pakaian atau badan
- Terbuka aurat walaupun sedikit
- Makan atau minum
- Berhadas sebelum salam yang pertama
- Berdehem, tertawa, menangis dan mengerang jika terkeluar dengan jelas bunyi dua huruf daripada setiap perbuatan tersebut
- Berubah niat
- Membelakangi kiblat

# Surah-surah Pilihan

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ١ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٢ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٣ مَٰلِكِ يَوۡمِ
ٱلدِّينِ ٤ إِيَّاكَ نَعۡبُدُ وَإِيَّاكَ نَسۡتَعِينُ ٥ ٱهۡدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلۡمُسۡتَقِيمَ ٦ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمۡتَ
عَلَيۡهِمۡ غَيۡرِ ٱلۡمَغۡضُوبِ عَلَيۡهِمۡ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ٧

1. Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

2. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam.

3. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

4. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat).

5. Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.

7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَٱلتِّينِ وَٱلزَّيۡتُونِ ١ وَطُورِ سِينِينَ ٢ وَهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ٱلۡأَمِينِ ٣ لَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ فِيٓ
أَحۡسَنِ تَقۡوِيمٖ ٤ ثُمَّ رَدَدۡنَٰهُ أَسۡفَلَ سَٰفِلِينَ ٥ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَلَهُمۡ
أَجۡرٌ غَيۡرُ مَمۡنُونٖ ٦ فَمَا يُكَذِّبُكَ بَعۡدُ بِٱلدِّينِ ٧ أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِأَحۡكَمِ ٱلۡحَٰكِمِينَ ٨

1. Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain),

2. Dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini).

3. Demi buah tiin dan zaitun,

4. Dan gunung Tursina,

5. Serta negeri (Mekah) yang aman ini;

6. Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).

7. Kemudian (jika dia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah,

8. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.

وَٱلضُّحَىٰ ١ وَٱلَّيۡلِ إِذَا سَجَىٰ ٢ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ٣ وَلَلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لَّكَ مِنَ
ٱلۡأُولَىٰ ٤ وَلَسَوۡفَ يُعۡطِيكَ رَبُّكَ فَتَرۡضَىٰٓ ٥ أَلَمۡ يَجِدۡكَ يَتِيمٗا فَـَٔاوَىٰ ٦ وَوَجَدَكَ ضَآلّٗا
فَهَدَىٰ ٧ وَوَجَدَكَ عَآئِلٗا فَأَغۡنَىٰ ٨ فَأَمَّا ٱلۡيَتِيمَ فَلَا تَقۡهَرۡ ٩ وَأَمَّا ٱلسَّآئِلَ فَلَا تَنۡهَرۡ ١٠
وَأَمَّا بِنِعۡمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثۡ ١١

1. Hanyalah mengharapkan keredaan Tuhannya Yang Maha Tinggi;

2. Dan demi sesungguhnya, dia tetap akan berpuas hati (pada hari akhirat, dengan mendapat segala yang diharapkannya).

3. Demi waktu Dhuha;

4. Dan malam apabila ia sunyi-sepi;

5. (Bahawa) Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu dan Dia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik).

6. Dan sesungguhnya kesudahan keaadaanmu adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya.

7. Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga engkau reda (berpuas hati).

8. Bukankah Dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Dia memberikan perlindungan?

9. Dan didapatiNya engkau mencari-cari (jalan yang benar), lalu Dia memberikan hidayat petunjuk (dengan wahyu Al-Quran)?

10. Dan didapatiNya engkau miskin, lalu Dia memberikan kekayaan?

11. Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya,

# IMPLIKASI CARA HIDUP ISLAM

## IMPLIKASI TERHADAP INDIVIDU

### Mendapatkan keredhaan Allah

- Kepatuhan kepada syariat Allahdalam kehidupan seharian seperti berpakaian mengikut syarak, menjaga batas pergaulan dan sebagainya.
- Dapat menjauhkandiridaripada sebarang perbuatanyang tidakbaikdandilarang dalam Islam.



### Pengurusan masa



- Islamsangatmementingkanpengurusan masa dalam kehidupanseharian.
- Menghargaimasa ialahsalahsatu faktor utama untukmendisiplinkandiriindividu. Pelaksanaan
- cara hidup Islam akan mendisiplinkan diri terutama dalam aspek ibadah.

### Kebersihandiri

- Satu perkara yang dituntut dalam Islam.
- Penjagaan kebersihan ini meliputi kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal, sertapersekitaran.
- Kebersihan diri sangat dituntutdalam Islam untuk memastikan ibadah yang dilaksanakanditerima olehAllahselain untuk menjamin kesihatan tubuh badan



# IMPLIKASI KEPADA MASYARAKAT



## MENERAPKAN '*AMAR MAKRUF NAHI MUNKAR*

Konsep ini melahirkan masyarakat prihatin dan saling bantu membantu antara satu sama lain.

Dapat mengurangkanmasalah social

# MENGERATKAN HUBUNGAN PERSAUDARAAN

Masyarakat bersatu padu dengan berbaik sangka dan mengamalkan sikap tolong menolong serta hormat menghormati.
Melalui aktiviti gotong-royong, majlis kenduri, aktiviti ibadah di masjid dan lain-lain.






"PRIHATIN BERSAMA, KASIH SAYANG UNTUK SEMUA."





# IMPLIKASI KEPADA NEGARA

## Pemimpin yang adil

- Pentadbiran negara akan menjadi baik jika pemimpin yang dilantik melaksanakan pemerintahan berlandaskan ajaran islam .

## Memantapkan ekonomi

- Islam menganjurkan muamalat yang dilaksanakan dengan jujur dan amanah serta memenuhi amalan riba.

## Muwujudkan keamanan dalam negara

- Pelaksanaan hukuman Islam terhadap penjenayah seperti yang dianjurkan di dalam Quran dapat mengurangkan ,salah jenayah.

## 1.10.2 Fahaman Pluralisme

### PENGERTIAN PLURALISME

Pluralisme agama merujuk satu fahaman yang menganggap semua agama adalah sama bagi seseorang individivu sama ada Muslim,Kristian,Hindu, Buddha dan lain-lain.

Pluralisme

FOR ... TAILS PLEASE VISIT | WWW.CORDELIA.COM

# PLURALISME

Islam menghargai tolenrasi agama lain tetapi tidak menganggap semua agama adalah sama.

Islam mengakui perbezaan dan identiti agama masing-masing

*( Surah al-Kafirun 106 : 6 'untuk kamu agama kamu dan untuk aku agamaku. "*

Pengasas Pluralisme Agama ,John Hick , Professor Teologi di Claremont Graduate School California USA mengajarkan semua agama menuju ke suatu titik pusat iaitu Realiti Tunggal ( Tuhan) tetapi tuhan itu dijelmakan dalam pelbagai bentuk dan cara tertentu mengikut ajaran agama masing-masing.

Pluralisme agama mencetuskan banyak percanggahan dalam syariat Islam. Aliran ini membenarkan perkahwinan berlainan agama dan memperjuangkan hak golongan homoseksual (LGBT) dan sebagainya.


a.Islam menolak semua agama adalah baik dan benar
b.Hanya islam agama yang lengkap dan sempurna
Pluralisme menurut Datuk Nik Mustapha Nik Hassan (2010)
c. Islam sentiasa mengalu-alukan sikap saksama,jujur dan integriti dari semua agama
d. Perpaduan rakyat perlu dipupuk dengan semangat muhibbah dan berkasih sayang sesama manusia
e. Isu antara penganut agama perlu diselesaikan dengan adil dan saksama,hormat menghormati
f. Penganut pelbagai agama digalakkan berlumba-lumba untuk melaksanakan kebaikan

# SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM

## ~FAHAMAN AJARAN SESAT~

# PENGERTIAN AJARAN SESAT

- Ajaran atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya bercanggah dengan Al-Quran dan Al-Sunnah.
- Hj. MohamedAmin Salleh, mantan Pengarah YADIM, mendefinisikan ajaransesat sebagai semua bentuk ajaran atau amalan yang didapati bertentangan dengan syariat Islam ataubertentangandenganmana-manahukum Islam.
- Ajaransesat di Malaysiamendefinisikanajaran sesatsebagaiajaransalahataupenyelewengan akidah yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam dan mendakwa bahawa ajaran atau amalantersebut adalah berdasarkan kepada ajaran Islam.

# PUNCA KEWUJUDAN AJARAN SESAT

Kelemahan diri sediri atau tidak mempunyai aqidah yangsebenar.

Godaan

syaitan iaitukepercayaan terhadap unsur mistikdan perkara ghaib.

Tipu dayamanusia dan dunia.

# KESAN AJARAN SESAT

## KESAN TERHADAP INDIVIDU

Aqidah seseorang itu akan rosak keranamempercayaiatau beramal dengan ajaran sesat.

Masa banyak terbuang dengan aktiviti yang tidak sihat dan bertentangan dengan ajaran Islam seperti memuja dan melakukan amalan-amalan syirik serta khurafat.

Kehidupan mereka yang mengamalkanajaransesat adalah tidak stabil kerana penglibatan dengan ajaran sesat membawa kepada pengabaian tanggungjawab sebagai pelajar, suami, isteri, ibu atau bapa.

# KESAN AJARAN SESAT

## KESANTERHADAPMASYARAKAT

Keruntuhan institusi kekeluargaan yangberpuncadaripadakeretakan yang berlaku di kalangan ahli keluarga yang menganut ajaran sesat.

Menimbulkan sikap fanatik penganut ajaransesat terhadap kumpulan dan Pemimpin mereka.

Menjejaskan perpaduan dan keharmonian hidup dalam masyarakat.

# KESAN AJARAN SESAT

## KESAN TERHADAPNEGARA

Negara akan mundur akibat daripadapenglibatan dalamajaran sesat.

Kesesatanakanmenjadikandiri seseorangtidakproaktif.

Prestasidan kestabilan ekonomi negaramengancamperpaduandan keharmonianmasyarakatsekaligus menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara.

# CONTOH AJARAN SESAT



# Kos cuci dosa RM135,800

## Janda beranak empat ditipu rakan sembang MySpace

>>Oleh Shanty Nur Shaffizan Shafee dan Muhammad Apendy Issahak

TIDAK SEDAR...mangsa menunjukkan laporan dibuat mengenai penipuan itu.

KUALA LUMPUR: Sindiket pukau menjadikan laman sembang untuk mencari mangsa mengakibatkan janda beranak empat berputih mata apabila wang simpanan RM135,800 lesap.

Mangsa yang mulanya menyangka laman sembang itu mampu merawat kesunyian sejak diceraikan kini trauma kerana kehidupannya makin tidak terurus sejak kehilangan wang yang sepatutnya digunakan membeli rumah demi keselesaan anak.

Mendakwa seolah-olah dipukau, mangsa dikenali sebagai Rina, 38, berkata, dia tidak menyangka kenalan sembangnya itu seolah-olah mempunyai rangkaian memburu mangsa di laman web untuk diperdayakan dalam tempoh singkat.

"Semuanya bermula apabila saya menjadikan laman sembang 'My Space' mencari kawan sekitar April lalu dan berkenalan dengan dua wanita dikenali Ida dan Ila.

"Ketika bersembang, saya menceritakan tentang latar belakang dan kehidupan saya yang tertekan kerana terpaksa berkorban meniaga empat anak masih bersekolah berusia enam hingga 17 tahun serta perniagaan makin merosot," katanya.

Menurutnya, dia diberitahu Ida yang mendakwa ingin membantu memulihkan semangatnya melalui kaedah berbomoh dengan seorang lelaki Indonesia dikenali sebagai Mbah.

"Menyangkakan Ida ikhlas ingin membantu, saya memberikan nombor telefon bimbit kepadanya dan dia berjanji memulihkan saya. Selain itu, dia menasihati saya menderma kepada Ila yang mempunyai ibu yang cacat sebagai cara menebus dosa silam," katanya.

Rina berkata, dia menerima panggilan daripada seorang lelaki, Yan Hasnor untuk bertemu dengan alasan ingin melihat keadaan dirinya.

"Sebaik bertemu dengan lelaki berusia 52 tahun itu, saya terpaku melihat wajahnya yang tenang dan tanpa segan silu menceritakan keadaan diri saya serta perniagaan butik kecantikan yang diusahakan sejak 18 tahun lalu.

"Yan Hasnor mendakwa saya perlu menderma RM50,000 bagi membina masjid di Indonesia sebagai satu cara mencuci dosa dan menebus segala kesalahan dilakukan dikatakan menjadi punca diceraikan suami," katanya yang menuruti kehendak lelaki itu.

Seolah-olah dipukau, Rina mengeluarkan wang simpanannya dari bank di Bangsar sebelum diberikan kepada suspek.

"Ekoran pertemuan pertama dengan lelaki itu, keadaan saya tidak keruan kerana asyik teringatkan dia menyebabkan saya menghubunginya untuk bertemu empat hari kemudian.

"Suspek tidak menolak pelawaan itu dan ketika bertemu untuk kali kedua, dia memberitahu kos merawat penyakit serta menghapus dosa dengan Tok Guru Mbah memerlukan bayaran tambahan RM100,000," katanya yang kemudian menyerahkan wang simpanannya berjumlah RM85,800 secara beransur-ansur selama tiga hari.

Menurut Rina, walaupun ditegur anak kerana menyerahkan wang yang banyak, dia tidak mempedulikannya, malah membenarkan suspek tidur di rumahnya kerana berasakan enggan berpisah.

"Keadaan saya seperti lembu di cucuk hidung yang menuruti kata suspek walaupun baru berkenalan tidak sampai seminggu.

"Mujur anak sulung yang menyedari keadaan pelik ini menghubungi keluarga di Pulau Pinang dan menceritakan keadaan menimpa saya untuk diselamatkan," katanya yang dilarikan keluarganya lelaki terbabit untuk diubati.

Setelah seminggu berada di kampung, suspek memburunya bagi meminta bayaran perubatan di negara seberang yang didakwa tidak mencukupi menyebabkan dia membuat laporan polis.

"Saya cuba mencari lelaki itu untuk meminta wang saya kembali, namun telefon bimbitnya tidak dapat dihubungi manakala cubaan keluarga mencari di rumahnya di Damansara gagal," katanya.

# CONTOH AJARAN SESAT



